

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HSA 101 Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM DUA
[2] MUKA SURAT

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap
Bahaigan A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan.

1. Menurut J.B. Bury, Herodotus ialah seorang pengumpul bahan sejarah dan bukan seorang ahli sejarah.

Bincangkan.

2. "Annals, yang dihasilkan oleh Tacitus merupakan contoh yang paling ketara bagi karya sejarah yang ditulis tanpa penyelidikan. Dan Tacitus sendiri merupakan contoh ahli sejarah yang menulis berdasarkan interpretasi lebih daripada penyelidikan." (A.D. Momigliano)

Bincangkan.

3. Menurut Ibn Khaldun, ahli-ahli sejarah Islam sebelumnya menulis sejarah menggunakan maklumat-maklumat yang disalurkan kepada mereka tanpa mengkaji asal usul, sifat semula jadi atau sebab-sebab peristiwa itu berlaku.

Bincangkan.

4. "Walaupun persetujuan umum wujud tentang kejayaan Ranke menjadikan sejarah sebagai suatu bidang yang tersendiri di universiti ... namun perselisihan tetap berlaku berhubung dengan keupayaan Ranke menganjurkan satu pendekatan yang dapat menghasilkan sejarah yang sahih dan seimbang." (R. Suntharalingam)

Bincangkan.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Peristiwa sejarah adalah sesuatu yang sangat unik dan tidak mungkin diulang kejadiannya di tempat lain.

Bahaskan.

6. Untuk menulis sejarah yang objektif, seseorang tidak seharusnya memasukkan pengadilan moral ke dalamnya.

Bahaskan.

7. Sejauhmanakah anda bersetuju bahawa tokoh-tokoh memainkan peranan yang sangat penting dalam mencetuskan kejadian-kejadian dalam sejarah. Rujuk jawapan anda kepada peristiwa-peristiwa kebangkitan anti-British di Tanah Melayu.

8. Dalam menjelaskan faktor sebab musabab dalam kajian sejarah, Mohd Yusof Ibrahim berpendapat bahawa Tuhan itu pada waktu-waktunya akan menonjolkan kekuasaannya.

Bahaskan.

-ooooOoooo-